

Polis bantuan jadikan MRT selamat

PETALING JAYA 2 Okt. - Penglibatan polis bantuan dalam projek pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) akan menjadikan pengangkutan awam itu sebagai perkhidmatan paling selamat setelah siap pada 2017.

Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanterasannya Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Ayub Yaakob berkata, pasukan terbabit mampu memberi maklum balas dan cadangan mengenai ciri-ciri keselamatan yang diperlukan pada masa akan datang.

“Pada masa sekarang, kita harus merancang ciri-ciri keselamatan yang diperlukan seperti penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) atau keselamatan di tempat letak kenderaan.

“Penglibatan mereka bentuk ciri-ciri keselamatan tersebut perlu

dirujuk kepada mereka yang tahu seperti polis bantuan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan sijil pelantikan polis bantuan kepada Mass Rapid Transit Sdn. Bhd. (MRT.Corp.) di Hotel One World, Petaling Jaya hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Tanah MRT Corp., Haris Fadzilah Hassan.

Menurut Ayub, ketika ini, PDRM telah meluluskan pengambilan sebanyak 450 pegawai dan anggota polis bantuan MRT Corp. sehingga 2017 nanti dengan 71 anggota dilantik untuk kumpulan pertama.

“Mereka turut terlibat mengawal tapak pembinaan dan kuarters pekerja sekali gus memantau kira-kira 12,000 pekerja asing yang terlibat dalam projek tersebut,” ujarnya.



AYUB Yaakob menandatangani sijil pelantikan Polis Bantuan MRT Corp. sambil disaksikan oleh Haris Fadzilah Hassan (kanan) dalam majlis di Petaling Jaya, Selangor semalam.